

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	15 MARCH 2017

PM serah kunci 1Razak Mansion hari ini ^{UM}

- 15/3/2017

KUALA LUMPUR 14 Mac- Senyuman terukir bagi sebilangan penduduk asal Perumahan Awam Razak Mansion apabila hasrat menduduki rumah yang lebih selesa akhirnya tercapai apabila mereka bakal menerima kunci rumah baharu esok.

Lebih bermakna majlis penyerahan kunci 1Razak Mansion itu bakal disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sendiri.

Projek yang menelan kos sebanyak RM150 juta itu antara bukti kerajaan sentiasa menepati setiap apa yang dijanjikan demi kesejahteraan rakyat.

Seorang penduduk **Sapiah Jantan, 65**, melahirkan rasa syukur dan gembira kerana penantiannya untuk mendiami rumah lebih



SAPIAH JANTAN



SYARIFAH SALWA

luas dan selesa berakhir.

Menurutnya dia sememangnya tidak sabar untuk menanti hari esok.

“Kami bukan sahaja tidak sabar menerima kunci rumah baharu, tetapi juga tidak sabar bertemu Perdana Menteri yang selama ini begitu prihatin dan mengam-

bil berat,” katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

Tambahnya, pembangunan semula yang dilaksanakan sangat memberi makna terutama kepada golongan berpendapatan rendah di ibu kota. Seorang lagi penduduk, **Syarifah Salwa Syed Mohamad, 66**, berkata, projek tersebut bakal mengubah

gaya hidup penduduk setempat ke arah yang lebih baik.

“Kalau kita lihat sendiri, suasana rumah baharu adalah lebih selesa dan bercirikan moden berbanding rumah lama.

“Terima kasih kepada kerajaan kerana sentiasa prihatin.” katanya.